

Pg. P.U. 43.

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN  
(MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 1992**

Undang-  
undang  
kecil

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Kesalahan-kesalahan.
4. Kemasukan anjing atau binatang.
5. Menjerat atau membunuh binatang dan burung adalah dilarang.
6. Kenderaan melebihi dua tan dilarang.
7. Meletak kenderaan.
8. Kelakuan tidak sopan.
9. Penutupan taman.
10. Penalti.

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN  
(MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 1992**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 (f) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Seberang Perai membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

- <sup>1. Nama  
pemakaian  
dan mula  
berkuatkuasa.</sup>
- Tafsiran
1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Tamam (Majlis Perbandaran Seberang Perai), 1992 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh diisarkan dalam *Warta Kerajaan*.
  2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“kenderaan bermotor” ertiinya tiap-tiap kenderaan yang digerakkan oleh jentera yang terdapat di dalamnya dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah trailer;

“Majlis” ertiinya Majlis Perbandaran Seberang Perai;

“struktur” ertiinya apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, papán tanda, kheinah, warung, meja, tiang, tiang sandar, tempat berledu, kepungjan beratap atau apa-apa sambungan atau apa-apa bangunan lain dari apa-apa tua bahan;

"taman" termasuklah kawasan lapang, siar-kaki di tasik, taman rekreasi atau hiburan, bulatan, batasan tengah sepanjang jalan; sisian jalan, jalan rizab, anak sungai, sungai, tebing sungai atau mana-mana perkarangan yang disenggara atau di bawah bidangkuasa Majlis,

**3. Mana-mana orang yang berada di dalam mana-mana taman Kesalahan-kesalahan yang—**

- (a) mengalih atau merosakkan apa-apa notis atau undang-undang kecil yang dipamerkan di dalamnya;
- (b) membawa bersama-sama atau menampalkan atau menegakkan apa-apa bil, pelekat, notis, panji-panji, bendera atau iklan pada atau di atas sesuatu tembok, pokok, pagar atau struktur;
- (c) menggunakan apa-apa pelaung, penguatsuara, sistem siaraya atau lampu sorot;
- (d) mengalih, memindah, merosakkan atau mencacatkan mana-mana tempat duduk, perkakas, tempat permainan kanak-kanak atau lain-lain peralatan;
- (e) menempatkan, melonggok atau membuang atau menyebar atau membenarkan di tempatkan, dilonggokkan atau dibuangkan apa-apa debu, abuk, kertas, abu, bangkai binatang, sampah, kotak, tong, bungkus atau lain-lain artikel, atau menjatuhkan, mendimpahkan, atau menabur apa-apa abuk, pasir, tanah, batu kelikir, tanah gembur, batu, rumput, jerami, ketaman, abuk papan, sampah kebun, sampah kandang ternakan, sampah perdagangan, baja, sampah sarap, atau apa-apa benda atau bahan lain dari pada kereta yang bergerak atau tidak bergerak atau dengan apa-apa cara lain atau membuang, meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, pembalut makanan, sisa-sisa makanan atau apa-apa artikel atau barang lain;
- (f) memerlajat mana-mana tembok, pagar, struktur atau pokok;
- (g) menunggang basikal atau memandu kenderaan bermotor di atas mana-mana rumput atau lorong pejalan kaki;
- (h) berjalan di atas batas bunga atau pokok-pokok renik;
- (i) memotong, mengalih, merosak atau memusnahkan mana-mana bunga, tempat duduk, tumbuh-tumbuhan atau pokok-pokok;
- (j) mengalih mana-mana rumput atau mengorek mana-mana tanah;
- (k) melontar atau membuang apa-apa batu atau lain-lain pelempar;

- (l) mandi di dalam mana-mana kolam atau anak sungai kecuali di mana-mana tempat mandi yang ditetapkan oleh Majlis bagi maksud itu;
- (m) mengalirkan atau menyebabkan dialir apa-apa benda buangan atau cecair buangan daripada mana-mana premis ke dalam sesebuah tasik atau anak sungai dalam taman dan yang mencemar atau mungkin mencemarkan tasik atau anak sungai itu;
- (n) menggunakan sampan, atau memancing di dalam mana-mana tasik atau anak sungai kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Majlis atau mengganggu dengan apa-apa cara akan aliran air daripada mana-mana tasik yang melempahi alur air;
- (o) memasang api atau membakar bunga api atau mercun atau melepaskan tembakan dari mana-mana senjata api atau senapang angin dengan tidak ada sebab yang sah tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis terlebih dahulu;
- (p) bermain layang-layang atau apa-apa permainan bola kecuali di tempat-tempat yang diperuntukkan dengan nyata bagi permainan itu;
- (q) berumur lebih daripada 12 tahun, menggunakan apa-apa berkakas tempat permainan kanak-kanak;
- (r) membasuh atau mengeringkan sesuatu atau menepuk apa-apa permaidani atau tikar;
- (s) menegakkan apa-apa struktur tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis terlebih dahulu;
- (t) mendedah untuk jualan atau menjual apa-apa barang, benda atau makanan atau minuman kecuali di tempat-tempat dan pada masa-masa yang diluluskan oleh Majlis;
- (u) bersyarah atau menyampaikan apa-apa ucapan di hadapan khalayak ramai atau berkumpul di dalam taman bagi maksud mengadakan atau mengambil bahagian dalam apa-apa mesyuarat agama, politik atau apa-apa mesyuarat lain atau mengadakan sesuatu tunjuk perasaan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis terlebih dahulu;
- (v) menggunakan apa-apa bahasa yang lucah atau sumbang atau berkelakuan lucah atau sumbang;

(w) menghalang Majlis atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya dalam menjalankan tugas-tugasnya;

(x) menjaga atau membasuh kenderaan bermotor tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis terlebih dahulu;

adalah melakukan suatu kesalahan.

4. (1) Tiada seorangpun boleh menyebab atau membiarkan mana-mana anjing atau binatang lain kepunyaannya atau di dalam jagaannya masuk atau berada di dalam sesuatu taman kecuali anjing yang bertali atau di bawah pengawalan yang sempurna.

Kemasukan  
anjing  
satu  
binatang.

(2) Di mana suatu notis telah dilekatkan oleh Majlis melarang kemasukan anjing ke dalam sesuatu taman, tiada seorangpun boleh menyebab atau membiarkan mana-mana anjing kepunyaannya atau di dalam jagaannya masuk atau berada dalam taman itu.

5. (1) Tiada seorangpun boleh menjerat atau membunuh mana-mana binatang atau burung di dalam sesuatu taman atau berada di dalam miliknya apa-apa alat atau perkakas untuk menjerat binatang atau burung semasa berada di dalam sesuatu taman.

Menjerat  
atau  
membunuh  
binatang  
dan burung  
adalah  
dilarang.

(2) Majlis atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya atau pegawai polis boleh mensita alat atau perkakas itu daripada mana-mana orang didapati berada dalam taman itu.

6. Tiada kenderaan bermotor selain daripada kepunyaan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun, yang mempunyai berat muatan lebih daripada dua tan boleh memasuki sesuatu taman tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

Kenderaan  
melebihi  
dua tan  
dilarang.

7. Di dalam sesuatu taman kenderaan bermotor atau basikal hendaklah diletakkan di tempat yang disediakan untuk meletak kenderaan bermotor atau basikal.

Meletak  
kenderaan

8. (1) Mana-mana orang yang didapati berkelakuan dengan cara tidak sopan dalam sesuatu taman adalah melakukan suatu kesalahan.

Kelakuan  
tidak  
sopan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini boleh diperintahkan keluar dari sesuatu taman oleh Majlis atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya atau pegawai polis dan boleh tidak dibenarkan masuk kemudiannya.

(3) Mana-mana orang yang enggan mematuhi perintah di bawah perenggan (2) boleh diusir keluar dari taman itu dengan menggunakan kekerasan yang berpatutan.

Penutupan  
taman

9. Majlis boleh menutup sesuatu taman atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa.

Penalti.

10. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan mengenai kesalahan yang berterusan dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari dalam masa kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.

Diperbuat pada 28hb November 1991.  
[MPSP/99/1-4/55.]

ZAINUDIN BIN DATO' AWANG NOAH,  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Disahkan pada 22hb Oktober 1992.  
[PSUK/PP 004.5.1.26.]

No Web Kok,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Pulau Pinang

#### LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

#### PARKS (MUNICIPAL COUNCIL OF PROVINCE WELLESLEY) BY-LAWS, 1992

##### By-law

1. Citation, application and commencement.
2. Interpretation.
3. Offences.
4. Entry of dogs or animals.
5. Trapping or killing of animals and birds prohibited.
6. Vehicle over two tonnes prohibited.
7. Parking.
8. Disorderly manner.
9. Closure of park.
10. Penalty.